

# Mahkota Merah, kisah tiga beradik menuntut bela di FKSW UMS Disember ini

08 24-11-2019 16

**MAHKOTA** Merah mengisahkan tentang tiga orang adik beradik yang mahu menuntut bela atas kematian kedua ibu bapa mereka. Pertumpahan darah yang berlaku pada hari yang sepatutnya menjadi hari yang paling bahagia buat keluarga mereka cukup meninggalkan kesan yang amat mendalam terhadap diri mereka. Tambahan pula, kepercayaan mereka telah dikhianati. Antara cinta dan takhta, siapakah yang bakal menjadi juara?

Menurut penulis skrip, Sasha binti Zavreas, "Mahkota Merah" ini diinspirasikan daripada Jupiter Ascending, The Matrix dan Underworld. Filem pendek yang bergenrekan sci-fi ini agak mencabar dalam pembikiniannya.

Penggambaran filem pendek ini diketuai oleh Sasha binti Zavreas, selaku pengarah Caelum Productions. Turut bertanggungjawab dalam menjayakan filem pendek ini ialah Shariffah Azwa

(Penolong Pengarah), Wan Syamimi Nadiah (Pengurus Produksi), Mohd Nurezwan (Editor dan Juruaudio), Zulfikri Nizam (Jurukamera), Khairunnisa Rukidi (Ketua Pemasaran), Nurul Najiha (Penata Cahaya), Salma Akbala (Pengurus Busana), Nurul Amirah (Pengurus Tatarias) dan Nurafizah (Belakang Tabir).

Penggambaran filem pendek "Mahkota Merah" dijangkakan akan selesai pada pertengahan bulan Novem-

ber dan dijangkakan akan ditayangkan pada 11, 12 dan 13 Disember 2019 bertempat di Theatre Ahmad Nisfu, Blok Seni Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan mengenai "Mahkota Merah", sila layari laman Facebook kami iaitu Caelum Production atau hubungi 019-9243671 (Shariffah Azwa) dan 016-9373093 (Wan Syamimi).



**PEWARIS: Anggota Kru Mahkota Merah.**